

UMS perluas kerjasama peringkat antarabangsa pengurusan bencana

UB 27.04.2024 P.06

KOTA KINABALU: Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memperkukuhkan usaha meningkatkan sistem pengurusan bencana negara khususnya di Sabah menerusi jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Terbaharu NDRC mengadakan lawatan kerja rasmi ke University of Tokyo (UTokyo) dan University of Technology Nagaoka (NUT) di Jepun sebagai inisiatif dalam memperkukuhkan lagi usaha kerjasama dua hala antara kedua-dua pihak.

Pengarah NDRC Prof. Madya Dr. Carolyn Melissa Payus berkata, usaha kerjasama dua hala itu termasuklah perkongsian ilmu serta pertukaran kepakaran teknologi untuk membantu dalam persiapan menghadapi bencana.

Pada kunjungan itu, Carolyn berkongsi kepakaran penyelidikan yang menggunakan 'Sistem DHS on-site reactor'.

"Air sisa domestik (grey

water) yang dirawat melalui sistem ini boleh digunakan semula sehingga 10 hari bermula daripada terputusnya bekalan sumber air di kawasan berlakunya bencana ini.

"Sistem rawatan 'down-flow hanging sponge' (DHS) ini digunakan secara meluas oleh pihak kerajaan Jepun dan digunakan di kawasan wilayah Niigata dan Kanazawa yang dilanda gempa bumi NOTO serta tsunami pada 1 Januari 2024 yang lalu," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, NDRC UMS turut mengadakan perbincangan meja bulat sempena 'Roundtable of Climate Change' yang berlangsung di University of Surrey London.

Carolyn berkata, ia salah satu usaha NDRC UMS dalam mengintegrasikan kesihatan awam ke dalam dasar dan perancangan perubahan iklim negara terutamanya dalam menitikberatkan aplikasi dan amalan terutama impaknya terhadap kesihatan mental.

Katanya, menjadi satu

keperluan untuk meuar-uarkan mengenai bahaya perubahan iklim yang dialami sekarang dan kesannya kepada kesihatan komuniti.

"Ini adalah penting bagi membantu meramal risiko kesihatan dari segi keupayaan beradaptasi komuniti terhadap perubahan iklim seterusnya menentukan strategi yang lebih berkesan untuk mengurangkan risiko tersebut, di samping mengenal pasti intervensi dan mitigasi yang bersesuaian," katanya.

Carolyn terlibat aktif dalam penyelidikan berkaitan 'Mental Health in Climate Anxiety Analysis: Response to Extreme Weather Events due to Climate Change' di bawah dana Yayasan Penyelidikan Otak, Minda dan Neurosains Malaysia (YPOMNM) bersama dengan penyelidik lain daripada UMS iaitu Prof. Dr. Justin Sentian dan Siti Irbah Anuar; serta penyelidik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Siti Hayfsah Idris.

Bidang penyelidikan ini salah satu fokus utama penyelidikan di NDRC UMS.



LAWATAN: Carolyn (lapan, kiri) bergambar kenangan bersama rombongan penyelidik Tokyo Electric Power Company (TEPCO), (NUT) dan UTokyo.